

RAGU 21/10/16 m/s 4

Hias rumah usah abai soal hukum

Dekorasi kediaman perlu mele-takkan prinsip Islam sebagai ke-utamaan. Ini bermakna, setiap umat Islam perlu sedar dan ber-hati-hati membeli dan meletak-kan perhiasan di rumah supaya ia tidak memberikan implikasi ne-gatif seperti unsur syirik serta khurafat.

Pendakwah, Mohamad Zarifi Mohamad Daud, berkata, tidak menjadi kesalahan untuk mem-punyai bayangan konsep rumah idaman kerana Islam sendiri menggalakkan kebersihan, kecan-tikan dan kesejahteraan.

"Islam menggalakkan umatnya

sentiasa dalam keadaan bersih ber-mula daripada tubuh badan, pa-kai, termasuk tempat tinggal.

"Apatah lagi masa kini ada ba-nyak konsep dekorasi pilihan, ter-masuk moden, klasik dan Inggeris yang memberi nilai tambah ke-pada kediaman supaya tampak le-bih eksklusif," katanya.

Polemik dalam masyarakat

Mohamad Zarifi berkata, tidak di-nafikan berlaku polemik dalam ka-langan masyarakat, ia termasuk berkaitan hukum menghias ru-mah dengan foto, lukisan atau pa-tung perhiasan.

"Perkara ini dibincangkan terpe-rinci oleh ulama, termasuk Sheikh Dr Yusuf Al-Qaradawi dalam kitab *Halal dan Haram dalam Islam*.

"Asasnya, apa juga perhiasan ru-mah yang berunsur syirik dan pe-mujaan, hukumnya adalah ha-ram," katanya.

Ia selari dengan larangan Ra-sulullah SAW yang melarang di-letakkan patung di dalam rumah.

Baginda bersabda: "Sesungguhnya malaikat tidak akan masuk ke ru-mah yang di dalamnya ada pa-tung." (HR Bukhari dan Muslim)

Menyentuh isu mengabadikan gambar keluarga atau peribadi di

bilik atau ruang tamu, katanya, hukumnya adalah diharamkan.

"Walaupun hukumnya harus, namun bersyarat, iaitu tidak men-dedahkan aurat untuk tetamu bu-kan mahram dan tiada unsur syi-rik seperti pemujaan dan gambar yang diambil mestilah bertujuan sekadar kenangan," katanya.

Bagi hiasan berbentuk lukisan pula, Ibnu Abbas RA memberikan alternatif dengan menggantung lu-kisan yang tidak mempunyai roh. Misalnya, lukisan bertemakan alam semula jadi seperti pokok, lautan, gunung-ganang dan seum-pamanya.



Walaupun hukumnya harus, namun bersyarat, iaitu tidak mendedahkan aurat untuk tetamu bukan mahram dan tiada unsur syirik seperti pemujaan dan gambar yang diambil mestilah bertujuan sekadar kenangan"

Mohamad Zarifi Mohamad Daud,
Pendakwah